

BAB LIMA

PERSEMPADANAN BRITISH - SIAM DI SEMENANJUNG MELAYU

5.0 LATAR BELAKANG

Bab ini akan membincangkan penyelesaian muktamad persempadan di kawasan selatan Segenting Kra antara British dengan Siam di Semenanjung Melayu. Sekali lagi ia melibatkan tiga buah negeri Melayu secara serentak iaitu Kelantan, Perak (Hulu) dan juga Kedah. Sempadan ini menganjur dari timur ke barat. Proses perlaksanaan perjanjian ini adalah sebagai urutan kepada Perjanjian Tahun 1899 yang dianggap gagal oleh pihak pentadbir dan pedagang British di sini. Meskipun mereka mendapat tempat untuk membuat pelaburan di kawasan Hulu Perak dan Reman, namun mereka masih merasai kekurangan kawasan untuk mengembangkan lagi pelaburan dan perdagangan mereka. Pelabur-pelabur dari Pulau Pinang amat berminat untuk masuk ke Kedah yang terletak di seberang sempadan sahaja. Demikian juga dengan pelabur-pelabur dari Singapura amat tertarik dengan Kelantan, Terengganu, Legeh dan kawasan-kawasan lain di Patani. Pelabur-pelabur dari Negeri Melayu Bersekutu juga, mencari-cari kawasan yang dapat memberi peluang-peluang pelaburan ke utara dari garisan persempadan Tahun 1899.

Usaha terus dipertingkatkan untuk mendapat peluang pelaburan dan perdagangan di pantai timur Semenanjung Melayu, lebih-lebih lagi setelah Siam berjaya memperkuuhkan pengaruh mereka melalui perjanjian tahun

1902 dengan Kelantan, 1905 dengan Kedah dan 1906 dengan Perlis. Sedangkan pihak British melalui pedagang mereka hanya Sindikit Duff sahaja berjaya di Kelantan dan Rahman Haidrolik di Reman, yang lainnya gagal. Percubaan untuk membawa masuk negeri-negeri tersebut di atas akhirnya membawa kepada Perjanjian 1909 yang menjadi pemisah kawasan pengaruh British-Siam untuk kali kedua dan muktamad. Perkara ini menjadi teras perbincangan seterusnya.

5.1 PERDAGANGAN DAN PELABURAN DI KELANTAN

Kelantan yang kaya dengan sumber emas, bijih timah, hasil hutan dan hasil pertanian telah mengadakan perdagangan di peringkat tempatan dan juga dengan dunia luar. Perdagangan pesisir pantai melibatkan negeri-negeri di utara, selatan dan pedalaman Kelantan. Kelantan dan Terengganu di selatan dan Patani di utara, silih berganti menjadi pelabuhan entrepot kepada perdagangan antarabangsa. Semasa zaman akhir Melaka, Kelantan yang dikatakan lebih besar dari Patani telah menjadi pelabuhan pengumpul hasil dari Patani dan Terengganu. Demikian pula pada akhir abad ke 16 dan 17 semasa zaman keagungan Patani, Patani pula menggantikan Kelantan. Peranan ini diambil pula oleh Terengganu pada akhir abad ke 17 dan 18.¹ Tukar ganti ini tidak menjadi kehairanan dalam sistem politik Melayu yang sentiasa berkembang dan menguncup mengikut keadaan penguasaan pemerintah dan jiran-jirannya.

Perdagangan terus antara Kelantan dengan pedagang-pedagang

Eropah tidak begitu jelas. Pada zaman Portugis di Melaka, tidak ada rekod yang menunjukkan adanya hubungan dagang antara mereka.² Demikian juga pada zaman Belanda. Bagaimanapun kedua-duanya ada hubungan dagang dengan Terengganu³ dan Patani.⁴ Bagi perdagangan dengan British atau EIC, hanya jelas setelah pembukaan pelabuhan Singapura. Namun begitu tidak pula dinafikan adanya hubungan perdagangan antara Kelantan dengan Pulau Pinang. Wakil Long Yunus (Raja Kelantan) telah meminta Kapten Francis Light mengadakan perdagangan terus dengan Kelantan sebagaimana di Terengganu.

Beliau menulis:

"..... Pada perintah perniagaan jikalau ada kemudahan, raja beta minta Tuan beri mari kapal bermiaga ke dalam negeri Kelantan ini seperti keadaan Tuan Sennyur beri masuk bermiaga ke dalam negeri Terengganu, kerana dagangan dalam Kelantan ini lada dan emas urai. Maka tiap tiap tahun tiada habis lada muatkan pada wangkang".⁵

Dalam menjalankan perdagangan dengan Pulau Pinang, Kelantan mempunyai dua alternatif sama ada melalui jalan laut atau jalan darat. Bagi barang yang tersedia ada di kawasan pesisir pantai dan kuala sungai, adalah lebih mudah menggunakan laluan laut ke Pulau Pinang. Manakala barang di kawasan pedalaman, membawanya melalui jalan darat ke Hulu Perak/Reman dan kemudiannya ke Hulu Sungai Muda (Baling) di Kedah adalah lebih cepat. Barang dari hutan dan hasil galian sememangnya banyak terdapat di Hulu Kelantan yang bersempadan dengan Pahang, Perak dan Patani (Reman dan Legeh). Dari kawasan ini juga banyak laluan-laluan

yang boleh dilalui untuk pergi ke Perak dan Kedah. Banyaknya barang dan terdapat pula kemudahan jalan laluan darat ini memberikan pilihan kepada hasil ini untuk dipasarkan ke Pulau Pinang.

Pada masa ini EIC di Pulau Pinang tidak merasakan pentingnya hubungan perdagangan dengan Kelantan. Ini disebabkan komoditi yang ditawarkan oleh Kelantan banyak terdapat di tempat lain sama ada dari pantai timur atau dari pantai barat Semenanjung, kecuali emas. Lagi pun pada masa ini emas bukanlah merupakan hasil pasaran utama bagi EIC baik untuk kegunaannya di England mahu pun untuk menarik perhatian China. Oleh yang demikian, Pulau Pinang tidak merasai kerugian dan tidak merasai takut akan kehilangan kawasan atau pasaran apabila Kelantan beralih kepada Siam. Hubungan baik ini tidak merugikan EIC kerana mereka tidak mempunyai kepentingan pada masa itu. Keadaan begini sudah menjadi kelaziman EIC dan British. Mereka mula melihatkan kepentingan Kelantan apabila pelabuhan Singapura dibuka dan Terengganu pula membahagikan sama urusan perdagangannya dengan Belanda di Batawi.⁶

Pelabuhan Singapura dibuka untuk memenuhi keperluan perdagangan dengan Benua China. Di samping itu ia juga bertujuan untuk menyaingi kuasa perdagangan Belanda yang telah kembali semula selepas tamatnya Perang Napoleon (Great War). Perkembangan pesatnya telah membawa ramai penduduk berhijrah masuk ke sini. Kebanyakan dari mereka ialah pedagang dan juga pelabur. Jumlah penduduk yang ramai dan jumlah

barang makanan yang terhad memaksa Singapura bergantung kepada barang dari luar. Peringkat awal, Singapura bergantung kepada Pulau Pinang di Semenanjung dan Bangkahulu di Sumatera. Pada masa ini barulah EIC dapat melihat kepentingan hasil dari pantai timur Semenanjung kerana hasil mahsul dari selatan dan Melaka berada di bawah kawalan Belanda yang tidak menyenangi pendudukan pulau ini.⁷

Sebelum ini hasil dari pantai timur belayar jauh ke Pulau Pinang atau Bangkok. Tetapi kini sudah boleh dipasarkan ke Singapura. Negeri Pahang, Terengganu, Kelantan, Patani dan kawasan utara lagi sudah ada pilihan. Selain dari berurusan dengan Bangkok mereka boleh berurusan dengan Singapura. Melihat kepada perkembangannya, mereka lebih banyak berurusan dengan Singapura dalam hal perdagangan. Masalah yang menimpa Pulau Pinang akibat dari kekalahan Kedah di tangan Siam pada akhir tahun 1821 memberi ruang yang lebih kepada sumbangan negeri pantai timur memenuhi keperluan Singapura terutamanya barang makanan. Kedah dan kawasan utaranya di pantai barat dan juga kawasan pedalaman tidak dapat lagi mengeksport bahan makanan untuk Pulau Pinang. Ini kerana sekatan Siam dan hasil berkurangan akibat perang. Pulau Pinang terpaksa bergantung kepada negeri Melayu lain di Semenanjung dan Sumatera dan juga dari selatan yang di bawa oleh pedagang Melayu dan Bugis.

Perkembangan pesat Singapura telah banyak mengalihkan perdagangan dari selatan (Bugis) dan dari pantai timur Sumatera beralih ke

sana.⁸ Demikian juga dengan dari pantai timur Semenanjung. Perjanjian 17 Mac 1824 yang membahagikan kawasan pengaruh Belanda dan British di rantau ini, memperkuatkan kesedaran EIC bahawa seluruh Semenanjung Melayu harus berada dalam kawalan atau pengaruh mereka. Apa yang menjadi kemusikan, jika di selatan perlu bersaing dengan Belanda, di sebelah utara pula perlu berhadapan dengan Siam. Dalam hubungan dengan Belanda, meskipun mukadimah perjanjian memperlihatkan harapan kedua-dua kerajaan agar:

".....desiring to place upon a footing, mutual beneficial, Their respective Possessions and the commerce of Their Subjects in the East Indies, so that the welfare and prosperity of both nations may [promoted, in all time to come, without those differences and jealousies which have in former times interrupted the harmony which ought always to subsist between them;...."⁹

Namun hasrat itu hanya boleh tercapai dengan membahagi-bahagikan kawasan di sini kepada wilayah mereka masing-masing. Artikel XII menggariskan:

"His Netherland Majesty withdraw the objections which have been made to the occupation of the Island of Singapore, by the subjects of his Britanick Majesty.

His Britanick Majesty, however, engages that no British Establishment shall be made on the Carimons Isles, or on the Islands of Batam, Bintang, Lingin or on any of the other Islands South of Straits of Singapore, nor any Treaty concluded by British Authority with the Chiefs of those Islands".¹⁰

Dengan hal yang demikian, British tidak ada pilihan lain. Mereka hanya boleh berkembang di Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo. Oleh kerana mereka telah bertapak di Pulau Pinang dan Singapura, tumpuan

adalah di sini. Maka mereka perlu bergerak ke atas (utara) dari Singapura kerana tidak boleh lagi ke kiri (barat) atau ke bawah (selatan). Masalahnya untuk ke utara mereka mesti berhadapan dengan Siam.

Ketika berhadapan dengan Siam, mereka telah menerima bencana di Pulau Pinang akibat kekalahan Kedah. Siam terus mengancam ke selatan lagi iaitu Perak dan Selangor, namun mereka tidak boleh berbuat apa-apa kerana dasar Kerajaan British di London melarang mereka bertindak melebihi dari berdagang. Meskipun begitu usaha perlu dibuat untuk menyelamatkan keadaan di sini dan pada masa yang sama peluang berdagang dengan Siam dapat diteruskan. Misi pertama tidak berjaya apabila John Bowring gagal mendapatkan keyakinan pihak Kerajaan Siam pada tahun 1822/23. Pergantungan diharapkan kepada Henry Burney. Akhirnya Burney pada tahun 1826 berjaya mendapat pengiktirafan menduduki Pulau Pinang dan menyelamatkan Perak serta Selangor dari ancaman Siam. Di pantai timur, Burney hanya berupaya mendapatkan kebebasan bermiaga dan berdagang di Kelantan dan Terengganu. Walaupun British boleh berdagang, namun begitu Siam menganggap mereka masih mempunyai kuasa dan berperanan di Kelantan dan Terengganu. Sementara itu British pula beranggapan bahawa kedua-dua negeri tersebut adalah merdeka sebagaimana yang diiktirafkan oleh perjanjian sebelum ini.¹¹

Pembukaan Singapura, menjadikan Patani, Kelantan dan Terengganu berfungsi sebagai pelabuhan pesisir yang mengumpulkan hasil dari

pedalaman dan sekitar yang berdekatan sahaja. peranan pelabuhan entrepot telah diambil alih oleh Singapura. Dengan itu Singapura amat memerlukan negeri jiran sekelilingnya sama ada dari selatan atau di Semenanjung Melayu untuk perkembangannya. Bertitik tolak dari sini, Singapura sentiasa memerhati kepada jiran-jirannya untuk mendapatkan hasil hutan, galian, binatang ternakan, dan juga pertanian. Barang-barang keluaran tempatan ini dijadikan barang tukaran kepada barang-barang dagangan yang dibawa oleh pelbagai pedagang.¹² Kepentingan perdagangan bagi pantai barat telah dibincangkan sebelum ini. Maka dalam bab ini hasil mahsul yang menjadi keluaran negeri di pantai timur pula dibincangkan.

5.1.1. Bijih Timah dan Galian Lain

Kepentingan emas dan bijih timah telah digambarkan sejak zaman awal lagi. Semenanjung Melayu mendapat jolokan Semenanjung Emas kerana hasil tersebut. Bagi negeri Terengganu, penemuan bijih timah pada peringkat awal tidak dapat dipastikan tarikhnya dengan tepat. Namun apa yang diketahui bijih timah yang ditemui di kawasan Dungun dan Kemaman pada awal abad ke 19 telah berjaya menyelamatkan ekonomi negeri itu dari terus merosot. Kemunculan hasil ini bukan sahaja memulihkan kembali pelabuhannya yang telah malap malahan menambahkan satu lagi hasil dagangannya dengan Singapura yang baru muncul. Pada tahun 1826 sebanyak 1,200 pikul bijih dikeluarkan dan meningkat ke 7,000 pikul pada tahun 1830an.

Di samping bijih terdapat juga sedikit emas di Kemaman, tetapi hasil ini pupus tidak lama kemudiannya.¹³ Keluaran bijih terus berkembang dengan penemuan kawasan-kawasan baru yang berpotensi menghasilkan bijih seperti di Bukit Yong di Hulu Besut. Di samping itu Terengganu juga mempunyai kawasan yang ada bijih besi iaitu di Bukit Besi, Hulu Dungun.

Seperti yang telah dijelaskan Kelantan terkenal dengan keluaran emasnya. Kawasan Kundur, Pulai di hulu Sungai Galas telah mengeluarkan emas yang diusahakan oleh pelombong-pelombong China sejak dari zaman awal lagi. Selain dari emas, Kelantan juga kaya dengan bijih timah:

".....the state will ultimately prove as rich in this metal as the other states which lie round it".¹⁴

Hasil galian lain yang terdapat sama ialah galena, bijih besi dan lead. Bagaimanapun tidak ada data lengkap mengenai perusahaan di atas. Maklumat ini berdasarkan catatan pentadbir yang menjadi pengembara ke Kelantan seperti C.F. Bozollo yang melalui Sungai Pelus dari Perak menuju ke hulu Sungai Galas di Kelantan pada tahun 1888.¹⁵ Henry Norman pula melalui Hulu Perak/Reman menuju ke Tomoh dan akhirnya turun ke Sungai Pergau dan Sungai Kelantan pada awal tahun 1894.¹⁶ Diikuti pula oleh Hugh Clifford bersama dengan W.R. Duff dari Hulu Pahang ke Hulu Kelantan di kawasan Sungai Lebir pada awal tahun 1895.¹⁷ Bagi kawasan tepi pantai dan Hulu Kelantan yang bersempadan dengan Sai, Legeh, Reman dan Perak telah diterokai oleh pengembawaan dan penyelidikan dari Universiti Cambridge yang diketuai oleh W.W. Skeat dan F.F. Laidlaw bersama-sama rakan mereka pada tahun 1899-1900.¹⁸ Satu lagi kawasan Kelantan yang bersempadan dengan

Pahang yang dekat dengan Terengganu di kawasan Gunung Tahan telah diterokai oleh J. Waterstradt dari hilir Sungai Kelantaan mulai awal Mei 1901 selama 7 bulan.¹⁹ Semua mereka menggambarkan Kelantan kaya dengan hasil bumi dan hasil hutannya. Di samping itu ia berpotensi sama untuk kawasan pertanian. Tindakan Duff meninggalkan perkhidmatan untuk menubuhkan satu konsortium perdagangan dan perusahaan di Kelantan memberi satu lagi bukti dan keyakinan bahawa Negeri Melayu Kelantan sememangnya kaya dengan hasil mahsul. Tidak hairanlah Swettenham begitu kecewa apabila perjanjian 1899 hanya berjaya mendapatkan 1/3 sahaja dari kawasan tuntutan Perak, manakala negeri Kelantan dan Terengganu terlepas ke tangan Siam secara rasmi.

W.R. Duff telah melihat potensi hasil hutan, tanah, dan galian di Hulu Kelantan. Melalui perkenalan dan hubungan baiknya dengan Raja Kelantan telah menjayakan cita citanya. Mereka telah menandatangani perjanjian perkongsian menerokai hasil hutan, tanah, dan galian di Hulu Kelantan pada 10 Oktober 1900.²⁰ Usaha Duff dalam menerokai hasil mahsul di atas dikembangkan ke Jala, Legeh, dan juga Reman, tetapi mendapat banyak halangan pentadbiran.²¹ Ini telah membuka satu era baru dalam perdagangan di Kelantan bila usaha mengeluarkan hasil dibuat secara besar-besaran.

Penerokaan Duff di Kelantan telah menyebabkan kekecohan perhubungan antara British dengan Siam di Kelantan. Pada satu pihak, British

memperakui kekuasaan Siam ke atas Kelantan dan Terengganu tetapi dalam masa yang sama memasuki dan mengusahakan perusahaan serta perdagangan tanpa memberitahu atau mendapat restu dari Siam. Satu lagi konsesi yang melibatkan rakyat British di Negeri Melayu Siam (Legeh) ialah Messey Leech. Beliau telah mendapat konsesinya dari Raja Legeh sejak tahun 1899 tetapi tidak boleh beroperasi sehingga ke tahun 1905 akibat dari tekanan dan halangan Siam.²²

5.1.2. Hasil Pertanian dan Penternakan

Ketiga-tiga negeri di pantai timur ini memang terkenal dengan kesuburan tanahnya. Bahagian tepi pantai yang pamah dan berdelta di lembah sungai amat sesuai untuk pelbagai jenis tanaman makanan. Dari sempadan Pahang sampai ke sempadan Singgora di utara Patani tidak kurang dari 25 batang sungai mengalir merentasi negeri-negeri itu. Sungai-sungai tersebut berperanan sebagai lebuh raya dan juga sebagai pembawa kesuburan kepada kawasan sekitarnya. Tidak hairanlah kebanyakan penduduk bertumpu di tepi sungai yang bermula dari muara sehingga ke pedalaman di hulu.²³

Pada zaman awal, eksport bagi ketiga-tiga negeri ini ialah lada hitam, kelapa dan kelapa kering, buah pinang, tembakau, buah-buahan bermusim dan sayur-sayuran. Selain dari itu, dari Patani dihasilkan perkakas dapur seperti pinggan mangkok dan periuk belanga dari tanah liat (earthenware). Tanaman makanan utama ialah padi dan jagung. Hanya Kelantan dan Patani sahaja yang mampu mengeksport berasnya ke negeri-

negeri jiran seperti Terengganu, Pahang dan Hulu Perak. Ini kerana Kelantan dan Patani mempunyai kawasan tanaman padi yang luas bukan sahaja terdapat di Lembah Sungai Kelantan dan Sungai Patani, malah sampai ke kawasan perlombongan emas di Pulai, Hulu Kelantan, Kampong Beserat dan Kampong Bendang Sta di Hulu Patani (pedalaman Jalor dan Reman).²⁴

Bagi binatang ternakan pula, kedua-dua negeri ini banyak memelihara lembu, kerbau dan ayam itik untuk pasaran tempatan dan eksport. Sebelum kewujudan Singapura, hasil ternakan dari sini di bawa ke Pahang dan Perak selain dari dijual ke kawasan perlombongan di pedalaman di Pulai dan Tomoh. Apabila Singapura dibuka, eksport binatang ternakan mendapat satu lagi pasaran. Kedua-dua negeri ini berupaya menjadi pembekal utama daging segar dan telur. Bagi memenuhi keperluan Singapura, kawasan Tumpat dan Tabai yang ramai terdapat orang-orang Siam telah memelihara babi untuk tujuan eksport. Pada akhir tahun 1880an dan awal tahun 1900 eksport ternakan ke Singapura seperti yang ditunjukkan pada perangkaan di bawah:²⁵

Jenis Binatang	Jumlah (ekor)
Lembu/kerbau (kebanyakan lembu)	4,000
Kambing	7 hingga 8,000
Ayam-itik	88,000
Babi	1,000
Biri biri	Tidak banyak

Sumber: W.A. Graham, hal. 84-88

Tanaman utama untuk eksport ialah kelapa yang dijual secara buahnya atau pun dijadikan kelapa kering. Sepanjang pantai di Terengganu dan Kelantan banyak pokok kelapa terutamanya di Kemasik, Terengganu dan Pasir Putih, Kelantan. Kelantan mengeksport 136,000 biji buah kelapa dan 10,287,000 biji atau 41,150 pikul kelapa kering ke Singapura pada tahun 1906.

Permintaan untuk bahan makanan bagi Negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu semakin bertambah akibat dari penghijrahan beramai-ramai penduduk dari India, China dan kepulauan Melayu untuk menerokai kawasan ladang, lombong dan juga sektor pertanian. Menyedari hal ini, pedagang dan pegawai British mula menerokai ketiga-tiga negeri ini untuk pelaburan pertanian dan perladangan, lebih-lebih lagi setelah mendapat tidak semua kawasan di Johor sesuai bagi tanaman getah kerana banyak kawasan negerinya berpaya.²⁶

Penerokaan Duff ke Kelantan telah menjadi model. Beliau berupaya mendapatkan konsesi hampir 1/3 dari keluasan negeri Kelantan, mengikut dari garis kasar sempadan semasa menandatangani perjanjian 10 Oktober 1900. Kesesuaian getah untuk ditanam di negeri-negeri Melayu pantai barat membawa satu era baru dalam sektor pertanian. Pengusaha British menubuhkan konsortium perladangan dan orang Melayu digalakkan menanam secara kecil-kecilan. Bagi memenuhi usaha Duff, banyak anak-anak syarikatnya ditubuhkan untuk projek tanaman getah seperti yang disenaraikan

di bawah:²⁷

Nama Syarikat	Keluasan (ekar)
1. The Kelantan Rubber Syndicate	4,000
2. The Pasir Tinggi Rubber Estate	2,000
3. The Taku Rubber Estate	2,000
4. The Kluat Rubber Estate	2,000
5. The Bagan Company Ltd.	1,000
6. The Bagan Rubber Estate	4,000
7. The Bukit Merah Planting Estate	200
8. The Batu Mengkebang Planting Estate	5,000

Selain daripada getah mereka juga mengusahakan tanaman kelapa. Anak-anak syarikat yang terlibat seperti yang disenaraikan di bawah:

Nama Syarikat	Keluasan (ekar)
1. The Kubang Yu Coconut Estate	1,000
2. The Bukit Ator Estate	1,900
3. The Pasir Puteh Coconut Estate	500

5.1.3. Hasil Hutan dan Sumber Laut

Dalam hal ini, hasil hutan dan sumber laut yang dimiliki oleh Kelantan, Terengganu dan Patani hampir sama seperti di Perak dan Kedah. Hasil hutan yang dimaksudkan dalam kontek ini ialah pemungutan hasil hutan termasuk pembalakan sementara sumber laut pula meliputi tangkapan ikan, membuat ikan masin dan membuat garam.

Sehingga kepada ekspedisi Hugh Clifford ke Terengganu dan Kelantan pada tahun 1895, negeri Terengganu masih bergantung kepada hasil hutannya yang mengeluarkan getah perca, kapur, "agila wood", damar, kayu arang (ebony), kayu kemuning, buluh, gam benzoin, dan rotan. Dimaklumkan sepikul getah perca pada kualiti rendah berharga \$25.00 manakala kualiti baik \$50.00. Harga ini agak murah berbanding dengan di Pahang pada harga \$50.00 dan \$150.00 sepikul. Begitu juga dengan kapur pada harga \$20.00, \$25.00 dan \$30.00 mengikut grednya bagi sekati. Sementara di Pahang pula harganya lebih tinggi iaitu \$70.00, \$80.00 dan \$90.00 sekati.²⁸ Perusahaan ini di monopoli oleh golongan pemerintah Sultan dan pembesar. Pencari atau pengutipnya terdiri daripada rakyat jelata yang terpaksa memberi sebahagian daripada hasil kepada pihak berkuasa. Semua hasil ini dieksport ke Singapura. Dari Singapura baru dipasarkan ke pasaran antarabangsa. Demikian juga halnya dengan hasil dari Kelantan.²⁹

Di Kelantan kayu balak banyak digunakan untuk membina bot dan perahu nelayan, rumah-rumah di bandar Kota Bharu dan juga pembinaan jambatan. Penerokaan Duff bagi kawasan ladang getah, kelapa dan perlombongan telah banyak membuka hutan. Bagi memenuhi keperluan perkayuan, Duff telah membawa bersama jentera-jentera kilang papan yang menggunakan kuasa wap. Ini telah membuka satu era baru dalam industri perkayuan di Kelantan.³⁰

Beralih kepada sumber laut, menangkap ikan dan membuat ikan

masin menjadi pekerjaan utama bagi penduduk di tepi pantai Terengganu, Kelantan dan Patani. Apabila pelabuhan Singapura dibuka, ikan masin dari Kelantan dan Terengganu telah diekspot ke sana. Perusahaan ikan masin diusahakan oleh orang-orang Melayu tempatan dan kemudiannya diniagakan oleh peraih-peraih Cina dari Singapura. Dianggarkan lebih kurang tujuh perlapan daripada pengeluaran ikan masin dieksport ke Singapura, yang bernilai lebih kurang \$120,000.00 pada tahun 1905. Perusahaan ikan masin di Kelantan dan Terengganu terjejas apabila berlaku wabak penyakit taun di Patani pada tahun 1906. Wabak tersebut telah menyebabkan Patani tidak dapat membekalkan garam dalam jumlah yang diperlukan oleh Kelantan dan Terengganu. Lanjutan daripada itu nilai eksport ikan masin Kelantan telah jatuh ke hanya \$70,000.00 sahaja.³¹

Bekalan bahan makanan oleh Kelantan, Terengganu dan Patani kepada Singapura amat penting. Pentadbir British mahukan bekalan ini berterusan supaya pedagang-pedagang di pelabuhan Singapura dapat menjalankan aktiviti mereka dengan lancar. Nilai eksport ketiga-tiga negeri di atas dari tahun 1897-1901 ditunjukkan dalam Jadual 1, sementara nilai importnya pula ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.³²

Jadual 5.1: Ekspot ke Singapura.

Negeri	1897	1898	1899	1900	1901
Terengganu	\$811,103	\$767,993	\$915,531	\$971,243	\$1,117,880
Kelantan	\$632,742	\$670,860	\$652,359	\$763,294	\$969,813
Patani	\$262,990	\$336,439	\$447,070	\$381,035	\$480,998

Sumber: CO 273/283, f. 661.

Jadual 5.2: Impot dari Singapura

Negeri	1897	1898	1899	1900	1901
Terengganu	\$470,394	\$553,323	\$512,449	\$689,912	\$906,099
Kelantan	\$439,782	\$297,570	\$366,290	\$518,506	\$903,258
Patani	\$285,216	\$324,293	\$329,036	\$243,045	\$363,404

Sumber: CO 273/283, f. 661.

5.1.4. Hasil Gajah

Gajah terus diburu, dijinak dan didagangkan sehingga awal tahun 1900an. Pada masa itu selain dari untuk tujuan eksport, gajah juga digunakan untuk memenuhi keperluan tempatan. Gajah diperlukan untuk menarik balak dari hutan dan mengangkut bijih dari lombong ke tepi sungai

atau ke pelabuhan. Perkembangan dalam perusahaan pembalakan dan perlombongan bijih timah telah meningkatkan permintaan untuk gajah.

5.2 PERDAGANGAN DI KEDAH DAN ULU PERAK

Perjanjian sempadan tahun 1899 tidak berjaya menyelesaikan masalah, malahan telah menjadikan hubungan diplomatik antara British (Singapura) dengan Siam di negeri Melayu terus tegang. Siam mencurigai peranan dan tindak-tanduk pentadbir British dalam hal ehwal yang berkaitan dengan mereka di sini. Namun begitu dari segi perhubungan perdagangan antara Negeri Melayu Siam dengan pelabuhan Negeri Selat terus berjalan lancar. Demikian juga dengan hubungan dagang yang lebih luas antara British dengan Siam di Bangkok juga tidak banyak menimbulkan permasalahan.

Bagaimanapun British kurang senang malahan menganggap lemah cara pentadbiran Siam di Negeri Melayu Segenting Kra. Bagi British kelemahan ini akan memberi kesan kepada kedudukan mereka di Negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu. Hakikat sebenarnya British masih dan terus menaruh minat terhadap Negeri Melayu Siam iaitu Kedah, Hulu Perak/Reman dan Legeh yang kaya dengan sumber hasil.

5.2.1. Keperluan Kepada Hasil Mahsul Tempatan

Perjanjian sempadan tahun 1869 yang membahagikan Province Wellesley dengan Kedah bukanlah satu penyelesaian muktamad dalam perhubungan mereka. British bagi pihak Kerajaan Perak pada tahun 1886, pernah merayu kepada Kedah supaya membenarkan mereka menggunakan

laluan Sungai Muda secara percuma. Bagaimanapun permohonan tersebut telah ditolak oleh Kedah kerana melibatkan kerugian hasil percukaian yang banyak.

Keadaan yang aman di Kedah secara perlahan-lahan telah memulihkan ekonomi negeri itu. Bijih timah telah diusahakan kembali walau pun secara sambilan. Penerokaan mencari bijih ke kawasan baru di Hulu Muda dan Kerian telah membawa pertambahan penduduk asing, khususnya orang-orang Cina. Ramainya pelombong-pelombong Cina di Kulim telah menimbulkan rusuhan kaum pada awal tahun 1888. Tindakan tegas Alor Setar dan bantuan Pulau Pinang berjaya mengawal keadaan dari merebak dan berterusan.³³ Orang Melayu dan Cina terus menerokai kawasan bijih sehingga ke sempadan Patani dan Singgora. Umpamanya mengikut satu catatan:

"Ah See memberitahu beliau membuka lombong di Sungai Ria, Mukim Temin, daerah Kubang Pasu selepas satu tahun tinggal menetap di Kedah (1879)".³⁴

Dari gambaran ini menunjukkan orang Cina telah mula tersebar di Kedah bagi mengerjakan bijih. Dari segi jumlah, mereka tidak ramai sebagaimana yang terdapat di Perak, Selangor atau di Negeri Sembilan. Pelombong-pelombong Cina bertumpu di Kulim, Kuala Muda, Kerian dan sedikit di Kubang Pasu.³⁵ Kehadiran pelombong-pelombong Cina di Kedah tidak begitu mengkhawatirkan British, kerana sebahagian daripada mereka adalah rakyatnya atau pun setidak-tidaknya ada hubungan dagangan dengan mereka.

Apabila Kedah membuka konsesi tanah perlombongannya kepada rakyat Eropah yang lain, ini memberi satu ancaman. Umpamanya, sehingga tahun 1900 beberapa buah lombong telah dibuka oleh Singkeh Tin Mining Maatchapij, milik Belanda yang beroperasi di kawasan Gunung Jerai dalam daerah Kuala Muda. Selain daripada syarikat tersebut, terdapat beberapa syarikat lain seperti Karang Hydraulic Tin Mines beroperasi di Karangan/Kulim, Syarikat G.B. Cerruti beroperasi di Mukim Siong, Baling dan Syarikat Cheok Klian beroperasi di Kuala Muda.³⁶ Kejayaan mereka menerokai perlombongan ini kerana pihak pentadbir Siam dan Sultan Kedah, inginkan negeri ini maju seperti negeri jiran khususnya Perak yang membangun disebabkan perusahaan bijih timah.

Keadaan di atas membuka mata British untuk turut sama dalam menerokai negeri Kedah. Lebih-lebih lagi kerana masalah laluan di Kuala Muda tidak pernah berkesudahan. Umpamanya pada tahun 1897, perkara ini berbangkit lagi apabila Kedah mengenakan cukai transit kepada bijih timah dari Reman sebanyak 16%. Hal ini telah menimbulkan bantahan dari pihak berkuasa Negeri Selat dan meminta cukai ini diturunkan kepada 10% sahaja, iaitu seperti yang dikenakan oleh negeri-negeri di bawah British.³⁷ Pihak Sultan Kedah tidak pernah tunduk dengan kemahuan British kerana baginda tidak pernah terikat atau tertekan untuk berbuat demikian.

Pengetahuan British tentang banyaknya bijih timah di Kedah bertambah lagi apabila G.C. Hart yang menjadi penasihat kewangan Siam di

negeri Kedah melapurkan:

"....the mineral wealth of the country has hardly been exploited yet, through in parts of Kulim and Kuala Muda Districts, tin mining had been flourishing for some years. Out of the eastern boundary amongst the hills towards Rawan (Reman) there are said by some to be rich possibilities".³⁸

Berdasarkan kenyataan ini sememangnya Kedah banyak mengeluarkan hasil bijih. Dari data pajakan yang diterima oleh kerajaan, dapatlah dilihat jumlah pendapatan kepada khazanah negeri itu bagi tahun pajakan 1897-1901 seperti yang ditunjukan dalam Jadual 3 di bawah.³⁹

Jadual 5.3: Pendapatan Dari Pajakan

Tahun Pajak	Kawasan	Pemajak	Masa	Nilai Tahunan	Deposit
20.1.1315H(20.6.1987)	Kulim	Lee Poh	3 tahun	\$6,050.00	3,025.000
22.71316H(5.12.1898)	Kulim/karangan	Chen Kian	5 tahun	\$7,200.00	7,200.00
24.11.1316H(5.12.1898)	Kulim	Loo Lan Chang	4 tahun	\$7,000.00	7,200.00
24.11.1316H					
10.41318H(6.8.1900)	Kerian	SDA	2 tahun 9 bulan	\$3,000.00	\$1,500.00
6.8.1900	Singkir/Karangan				

Sumber: Sharom Ahmat, Hal. 182 (dengan penyesuaian)

Kedah selain daripada kaya dengan sumber bijih, ia juga memiliki sumber arang batu. Ia terdapat di Bukit Arang yang kedudukannya antara Bukit Kayu Hitam di timur dan Bukit Keteri (Perlis) di barat. Pada masa itu jumlah dan hasilnya tidak pasti, tetapi semasa melawat Kedah pada Oktober 1889, Swettenham melaporkan arang batu ini mempunyai potensi

yang baik.⁴⁰ British perlu bergerak pantas ke Kedah kerana pada masa ini Russia sedang berusaha untuk mendapatkan tempat dan konsesi di Pulau Langkawi, German di Pulau Ujong Salang dan Belanda telah bertapak di Pulau Wei, pintu masuk ke Selat Melaka dari Lautan Hindi. Tidak ketinggalan, Perlis dan Setol juga mempunyai kawasan bijih terutamanya di sempadan bersama mereka di banjaran bukit dari Bukit Wang di barat sampai ke Bukit Mata Air di utara. Perlis pernah berbalah dengan Setol kerana permasalahan bijih ini di kawasan bersama pada akhir tahun 1890an.⁴¹

Penerokaan terhadap bijih oleh pengusaha British tidak terbatas di negeri Perak sahaja. Mereka telah melewati sampai jauh ke utara. Umpamanya, Malcolm Duncan pengusaha lombong bijih timah dari Chenderiang, Kampar, Perak telah mendapat konsesi mengusaha bijih di Tongkah, iaitu kawasan di utara Pulau Ujong Salang dan selatan dari Pelabuhan Ranong. Sebagaimana biasa, perkembangan perusahaan ini tidaklah mudah. Meski pun mendapat kelulusan dari Bangkok untuk mengusaha bijih di situ, tetapi beliau mendapat halangan dari Pesuruhjaya tempatan. Ini disebabkan kawasan yang sama terlebih dahulu telah diberi kepada pengusaha China tempatan. Ini satu lagi masalah British, selain dari bersaing dengan pengusaha China dalam perlombongan, mereka sering tidak mendapat kerjasama dari Penguasa tempatan.⁴² Dengan itu akan dapat melihat bahawa minat yang begitu mendalam kepada kawasan perlombongan baru, dan mahukan penyelesaian kawasan pertikaian telah mendorong British bekerja

kuat untuk terus masuk ke segenting ini sama ada ke Kelantan, Perak atau pun Kedah.⁴³

Potensi hasil hutan dan sumber laut dari Kedah telah lama diketahui umum, lebih-lebih lagi oleh golongan pedagang di Pulau Pinang. Pendapatan negeri Kedah pada tahun 1900 melalui pajakan-pajakan, perusahaan membalak dan kayu-kayan mendatangkan hasil yang kesepuluh terbesar, selepas pajakan candu dan yang sejenis dengannya, padi, perjudian, kastam, alkohol, tembakau, bijih, ubi kayu dan pelbagai pajakan.⁴⁴ Begitu juga dengan hasil laut bilamana perusahaan tiram dan mutiara di Pulau Terutau menghasilkan \$1,000.00 pajakan setahun. Lain-lain sumbangan dari laut ialah pajakan untuk tahi burung laut (Guana) untuk dijadikan baja sebanyak \$100.00, perikanan \$104.00 dan lesen-lesen bot sebanyak \$1,650.00..⁴⁵

Satu lagi potensi hasil bagi Kedah, Hulu Perak dan Reman ialah gajah. Gajah bukan sahaja untuk eksport malahan untuk kegunaan tempatan bagi tujuan pengangkutan darat. Di Kedah, jalan perhubungan dengan Bangkok yang paling dekat ialah melalui Singgora. Untuk sampai ke Singgora, jalan terpantas ialah melalui jalan darat ikut daerah Kubang Pasu terus ke Singgora. Kubang Pasu merupakan pintu masuk ke Kedah dan juga Singgora. Jadi sehingga awal tahun 1900 Kubang Pasu merupakan pusat dagangan hamba dan juga gajah untuk tujuan pengangkutan barang dari Alor Setar ke Singgora dan sebaliknya.⁴⁶ Ini tidak menghairankan kerana jarak perjalanan yang jauh kira-kira 80 batu tentu memerlukan banyak alat pengangkutan dan ramai orang

sebagai pengiring. Di samping itu, gajah dari Kedah dan Perak masih diperlukan oleh pihak pengusaha dan Kerajaan India serta Burma. Umpamanya, pada tahun 1902 setiap seekor gajah ditawar dengan harga \$1,000.00 di Pulau Pinang.⁴⁷ Harga ini dua puluh kali ganda lebih mahal dari tahun 1820.

5.2.2 Keperluan Kawasan Pertanian Baru

Kesuburan dan keluasan tanah pertanian yang ada di Kedah sememangnya telah di ketahui oleh British di Pulau Pinang. Oleh kerana negeri ini di bawah pemerintahan Siam, pergerakan British tidaklah bebas. Kawasan pertanian untuk tanaman di Province Wellesley dan Kerian sudah hampir penuh, sedangkan tanah yang mempunyai kesuburan dan kesesuaian yang sama hanya bersebelahan sahaja iaitu Kedah Selatan. Bagi pedagang-pedagang persendirian yang terdiri dari pengusaha-pengusaha China, mereka berani mencuba nasib. Ini kerana mereka mudah berurusan dengan pemajak cukai tempatan yang kebanyakannya terdiri dari orang-orang China. Dalam pada itu sebahagian daripada mereka adalah terdiri dari rakyat British di Pulau Pinang.⁴⁸ Dengan itu wujudlah perusahaan ubi kayu, kopi dan tanaman getah di Kuala Muda oleh pengusaha-pengusaha tersebut. Tanaman lain ialah tebu. Tebu dan kopi tidak berapa berkembang jika dibandingkan dengan ubi kayu dan kemudiannya getah. Perusahaan ini adalah peralihan dari tanaman asal iaitu lada, tembakau, kacang tanah, pinang dan sirih. Pada masa awalnya tanaman ini hanya ditanam di tepi-tepi pantai dan kuala sungai. Ladang ladang

mereka tidaklah luas, sebagaimana yang diusahakan oleh konsortium dari London, Shanghai, Singapura dan Pulau Pinang yang mengusahakannya sebaik sahaja Kedah beralih tangan dari Siam. Dari segi ternakan, Kedah terus menjadi pembekal daging lembu, kerbau dan ayam itik kepada Pulau Pinang dan Perak.

5.2.3 Keperluan Kepada Jalan Perhubungan

Bagi keseluruhan Negeri Melayu, sungai adalah "lebuhraya" dan laut adalah penghubung dan bukannya pemisah. Kejayaan membina jalan keretapi dan jalan raya di pantai barat mahu dikembangkan ke pantai timur dan juga ke negeri-negeri di bawah Siam. Bagi Kelantan, Terengganu dan Pahang, perhubungan dengan Singapura hanyalah melalui laut. Laluan ini menghalangkan pergerakan kapal dan perahu pada musim tengkujuh dari bulan Oktober hingga bulan Mac setiap tahun. Lanjutan daripada ini banyak barang yang tidak dapat di pasarkan ke Singapura. Dengan itu satu rangkaian jalan keretapi adalah difikirkan perlu untuk mengatasi masalah di atas dan juga untuk mempercepatkan perjalanan serta selamat.

Bagi negeri Pahang, rancangan membina jalan keretapi menjadi kenyataan apabila Pulau Pinang sudah boleh menghubungi Gemas pada tahun 1905. Usaha penyambungan ke Pahang telah dilakukan dengan menyukat dan membuat penandaan laluan sampai ke Kuala Tembeling, melalui Kuala Semantan. Rancangan ini dikenali sebagai peringkat satu.⁴⁹ Rangkaian jalan ini dirancang untuk merentasi hingga ke Kelantan. Oleh kerana kegagalan Duff

dalam permohonannya pada tahun 1903 untuk membina rangkaian jalan keretapi dari Kuala Kelantan ke sempadan Siam dan kemudiannya merentasi Legeh, Reman dan akhirnya ke Kedah,⁵⁰ telah membantutkan sama rancangan perjalanan dari Pahang ke Kelantan. Walaupun tidak berjaya melihat pembinaan jalan keretapi dari Pahang ke Kelantan sebelum perjanjian 1909, namun hasrat dan cita-cita itu telah ada. Mereka begitu optimis bahawa jalan perhubungan antara kuala dengan pedalaman dan juga antara Kelantan dengan Singapura akan dapat diadakan.⁵¹

Bagi negeri Kedah pula, pedagang-pedagang British melihat kepada perlunya pembinaan jalan keretapi yang menyambungkan Bukit Mertajam dengan Kulim. Ini untuk memudahkan pengangkutan hasil bijih, supaya tidak lagi perlu menggunakan kenderaan kereta lembu atau kereta kuda untuk ke stesen Perai. Pedagang-pedagang tersebut telah mendesak Negeri Selat supaya merundingkan hal ini dengan negeri Siam dan juga Sultan Kedah. Pembinaan jalan keretapi di Kedah bermula apabila Malay Railway and Works Construction Company (MRWCC) menerima konsesi dari Kerajaan Siam bagi membina jalan keretapi sejauh 80 batu dari Singgora ke Alor Setar, dan sambungan sepanjang 60 batu lagi ke Kulim pada tahun 1891. Oleh kerana syarikat ini kekurangan modal, mereka telah meminta Kerajaan British membantu dalam pembiayaan projek ini. Permohonan ini telah ditolak pada tahun 1893. Selepas itu dicadangkan pula untuk membina jalan keretapi dari Perai ke Kulim dan seterusnya ke Selama. Meskipun Gabenor Sir C.B.H.

Mitchell menunjukkan minat kepada konsesi Singgora ke Alor Setar, tetapi beliau tidak begitu pasti dengan perlaksanaannya. Rancangan ini akhirnya terhenti begitu sahaja.⁵²

Kes ini timbul kembali pada tahun 1904 apabila Gabenor John Anderson menyuarakan pandangannya untuk membina kembali jalan keretapi dari Bukit Mertajam ke Kulim yang jaraknya hanya 2 1/2 batu sahaja dari tepi sempadan. Pada mulanya Sultan Kedah memberitahu bahawa permohonan ini di tolak kerana jaraknya terlalu dekat. Seperti biasa pegawai-pegawai British di sini tidak mudah berputus asa. Ralph Paget yang baru dilantik sebagai Menteri Residen di Bangkok dipertanggungjawabkan untuk mempengaruhi Kerajaan Siam. Akhirnya pada pertengahan tahun 1904 Siam bersetuju membenarkan pembinaan dengan syarat-syarat tertentu. Atas kepercayaan bahawa Siam akan menyetujui syarat-syarat dari Negeri Selat membuatkan Pengurus Besar keretapi telah pun menyediakan peruntukan \$9,600 bersama anggaran pembinaan untuk menjalankan kerja-kerja penyukatan. Walau bagaimanapun kerana salah faham kemudiannya, jalan keretapi ini tidak pernah terbina sehingga tahun 1909. Apa yang menghairankan, sesudah British mengambil alih Kedah dari negeri Siam, jalan keretapi dari Bukit Mertajam ke Kulim tetap juga tidak wujud.⁵³

5.3 PENYELESAIAN SEMPADAN 1899-1909

Kelantan mengalami perhubungan tiga penjuru apabila Siam mengakui negeri Kelantan sebagai negeri di bawah naungannya, sementara itu

British pula menganggap Kelantan sebagai sebuah negeri yang bebas. Siam dan British buat pertama kalinya sama-sama berhadapan dengan masalah Kelantan semasa perundingan Perjanjian Burney 1826. Mereka sama-sama mempersetujui bahawa kedudukan Kelantan dan Terengganu seperti kenyataan Artikel 12 yang berbunyi:

"Siam shall not go and obstruct or interrupt commerce in the States of Tringano (Terengganu) and Calatan. English merchants and subjects shall have trade and intercourse in future with the same facility and freedom as have heretofore had, and the English shall not go and molest, attack, or disturb those states upon any pretence whatever".⁵⁴

Meskipun sama-sama telah menandatangani perjanjian di atas, namun begitu status Kelantan dan Terengganu tetap berada dalam interpretasi masing-masing.⁵⁵ Semua ini berpunca dari sikap pemerintah dan pembesar negeri Melayu yang tidak tetap dalam menentukan arah dan pendirian persahabatan mereka. Umpamanya, semasa mendapat pengiktirafan dan perlindungan Siam, Sultan Muhamad I juga mengutus surat kepada Gabenor H.E. Phillips di Pulau Pinang pada tahun 1820an untuk meminta perlindungan Kerajaan British.⁵⁶ Permohonan ini telah ditolak oleh Gabenor Phillips, namun begitu ia telah membuka laluan kepada Gabenor-gabenor lain untuk membuat rujukan semula pada bila-bila masa yang diperlukan.

Meskipun tidak ada hubungan diplomatik secara rasmi, namun begitu hubungan perdagangan berjalan terus antara Kelantan dan Singapura.

Sumbangan Kelantan memang dihargai oleh Singapura. Ini diakui semasa berlakunya Perang Saudara di Kelantan pada tahun 1839. Gabenor Bonham sanggup menghantar perutusan ke Kelantan atas desakan pedagang-pedagang China dan Yahudi di Singapura untuk membebaskan empat orang pedagang dan kargo mereka bernilai sekitar 40 hingga 50 ribu dollar yang terkandas di Kelantan akibat perang tersebut.⁵⁷ Pada tahun 1862, atas desakan pedagang juga, Terengganu pula di bom bagi menyelamatkannya dari dipaksa menerima "Raja Boneka" lantikan Siam.

Pemerintahan Sultan Muhamad II di Kelantan yang lama dari tahun 1839-1885 dan disambung pula oleh puteranya Tuan Long Ahmad dari tahun 1886-1890, telah memberikan kesempatan kepada mereka memperteguhkan kedudukan dan juga memantapkan lagi pengaruh Siam.⁵⁸ Pada masa ini British hanya menumpukan perhatian di pantai barat dan mengabaikan negeri-negeri di pantai timur. Kegagalan Siam untuk bertapak di Perak dan Selangor akibat Perjanjian Burney menjadikan mereka aktif di pantai timur. Tekanan dan penguasaan diperkuatkan ke atas Patani, sementara pengaruh dikembangkan ke Kelantan dan Terengganu. Sungguh pun begitu tidak bermakna British terus melupakan negeri-negeri di pantai timur.⁵⁹ Apabila kepentingan Singapura terganggu akibat perang saudara atau gangguan lanun British akan bertindak. Umpamanya, Gabenor E. A. Blundell telah bertindak membenteras lanun di perairan Terengganu apabila mendapat aduan dari Baginda Omar (1839-1876) dan juga bantahan dari pedagang-pedagang

di Singapura.

Pentingnya mengadakan hubungan diplomatik dengan Kelantan dan Terengganu dirasa oleh British setelah mereka masuk ke Pahang pada tahun 1888. Keadaan menjadi bertambah penting setelah berhadapan dengan masalah pemberontakan pada tahun 1891-1896 sebagaimana kesukaran dalam peristiwa mengejar Dato Maharaja Lela di Hulu Perak dan Reman. Siam terus menguatkan pengaruh dan tekanan kepada Kelantan dan Terengganu bagi menghalang kemasukan British.⁶⁰

Sebelum tahun 1895, Siam dari masa kesemasa datang mengatasi masalah perebutan takhta di Kelantan. Bagaimanapun pada kali ini mereka telah datang dan menetap bersama-sama Residen Kommissioner, beserta dengan kapal perang dan 300 orang tentera⁶¹ Kehadiran Pesuruhjaya ini tidak juga membawa penyelesaian kepada politik dalaman. Pihak yang tidak berpuas hati dengan pengaruh dan penguasaan Siam telah beralih ke Singapura. Mereka menulis surat dan datang sendiri ke sana untuk meminta bantuan dan perlindungan British terhadap negeri mereka. Lebih-lebih lagi setelah melihat Pesuruhjaya lebih mementingkan diri dan membuat kekayaan daripada membantu pentadbiran negeri. Permohonan mereka diluluskan.⁶²

W.R. Duff yang melihat potensi hasil di Kelantan telah menggunakan kesempatan hubungan baiknya dengan Raja Kelantan Tuan Long Senik ibni Almarhom Sultan Muhamad III (1900-1912). Beliau bersama Duff Development Syndicate, telah menandatangani Perjanjian Perkongsian

(Partnership Deed) dengan Raja Kelantan pada 10 Oktober 1900. Perjanjian ini telah membuka satu perundingan terbuka antara British dengan Siam untuk pengesahan dan pengiktirafan perjanjian di atas. Pihak Singapura menyokong Duff tetapi London pada mulanya enggan terlibat. Namun atas desakan untuk meminta bantuan kuasa lain akhirnya mengalah dan membantu Duff. Siam setelah menerima desakan daripada London akhirnya bersetuju mengesahkan perjanjian tersebut pada Julai 1902.⁶³

Meskipun Duff mendapat pengiktirafan, Siam tidak memberi laluan yang mudah dan memperkuatkan lagi tekanan ke atas pemerintahan Kelantan. Kelantan dihalang dari memungut duti import ke atas kargo-kargo yang datang dari pelabuhan Siam. Selain daripada itu bot-bot perang Siam sering mengganggu pekerja-pekerja Duff di Kuala Kelantan. Pesuruhjaya Siam telah menunjukkan kuasanya dengan membuat tekanan bagi menghalang pengaruh British dari terus berkembang di Kelantan.⁶⁴

5.4 PERJANJIAN TAHUN 1902

Tekanan yang semakin menjadi-jadi dari pihak Siam, membuatkan Duff dan Raja Kelantan tidak boleh berdiam diri. Mereka terpaksa mengadu kepada Gabenor Frank A. Swettenham di Singapura dan kemudiannya memanjangkan aduan tersebut ke Pejabat Tanah Jajahan. Aduan tersebut meminta British supaya campurtangan di Kelantan. Pada masa ini kuasa asing lain seperti German, Russia dan Amerika sedang mencari tapak di Negeri Melayu. Jika British lambat bertindak, dikhuatiri Raja-raja Melayu

akan mengalih perhatian kepada kuasa-kuasa asing tersebut. Lebih-lebih lagi Raja Kelantan yang telah banyak kali memohon bantuan setelah Raja Patani dilucutkan jawatannya oleh Siam. Sebagai jalan penyelesaian di Kelantan, beliau telah memberikan dua cadangan dan pilihan untuk tindakan pihak di London. Kerajaan British perlu berunding dengan Kerajaan Kelantan untuk menentukan hak dalam hubungan luar dan perlindungan dari ancaman pihak asing. Sementara itu sekiranya Kerajaan British mahu mengiktiraf pertuanan Siam (suzerainty) ke atas Kelantan, beliau menawarkan perkhidmatan kepada Siam untuk mendapatkan perjanjian bertulis dari Kelantan dan Terengganu dengan memberinya status "de jure" dengan syarat seorang rakyat British dilantik menjadi penasihat Raja bagi pihak Siam.

Cadangan ini mendapat perhatian Kerajaan British, dan Menteri Residen di Bangkok telah diarahkan pada 17 Januari 1902 untuk berunding dengan pihak Siam. Hasil pemuaafakatan yang tegas antara Singapura, London dan Bangkok, maka pada 6 Oktober 1902, Lord Lansdowne Setiausaha Kerajaan Pejabat Luar Negeri telah menandatangani Peristiheran dan Nota Rahsia kepada Draf Perjanjian 1902 yang kemudiannya akan ditandatangani oleh Kerajaan Siam dengan Kerajaan Melayu Kelantan dan Terengganu. Bagi pihak Siam, wakilnya ialah Phraya Sri Sahadhala yang menjadi utusan khas. Peristiwa ini disempurnakan di London.

Usaha Swettenham selanjutnya ialah mendapatkan tandatangan dan pengesahan dari Raja Kelantan ke atas Draf Perjanjian tersebut. Ia

dilakukan pada 16 Oktober 1902.⁶⁵ Sekali lagi draf ini ditandatangani pada 5 Disember antara Raja Kelantan dengan wakil Kerajaan Siam.⁶⁶ Dengan ini Siam telah diiktiraf mempunyai kekuasaan terhadap Kelantan.⁶⁷ W.A. Graham dan H.W. Thompson pada 10 September 1903 mengadap Raja Kelantan bagi menyerahkan surat arahan dari Raja Siam. Di Terengganu, Siam dan British gagal sama sekali setelah Sultannya enggan menerima kehadiran mereka.⁶⁸ Dengan itu bermulalah satu era baru dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan di Kelantan.⁶⁹

5.5 PERMASALAHAN DI KEDAH DAN PERJANJIAN TAHUN 1906

British yang telah bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786 telah dapat masuk ke Kedah pada tahun 1906 setelah rakyat mereka menjadi Penasihat Kewangan Kerajaan Siam. Mereka juga berkembang ke Perlis kerana masalah yang sama iaitu krisis kewangan. Di samping itu mereka juga telah dapat menempatkan Konsul di Kedah yang mewakili negeri Melayu Siam di pantai barat. Semua ini atas usaha Gabenor John Anderson yang telah menyambung tugas, inspirasi dan harapan Frank Swettenham di negeri Melayu. Peluang ke Kedah terbuka setelah wujud krisis kewangan dalam perbendaharaan akibat dari salah urus oleh Sultan Abdul Hamid yang selalu sakit, pembaziran dalam Majlis Perkahwinan Di Raja pada Jun 1904, dan sifat boros Sultan dalam berbelanja.⁷⁰

Bagi mengatasi masalah ini Raja Muda Tunku Abdul Aziz dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri dan restu Sultan telah pergi ke

Siam untuk mendapatkan pinjaman. Siam telah memberi pinjaman sebanyak \$2,600,000.00 dengan faedah enam peratus dengan syarat Kedah mesti menerima perkhidmatan penasihat yang dilantik oleh Kerajaan Siam dari rakyat British.⁷¹ Kerajaan Siam telah menghantar W.J.F. Williamson ke Kedah dengan membawa wang dan membayar segala hutang piutang yang tertanggung.⁷² Beliau tidak lama di Kedah kerana penasihat sebenar G.C. Hart dari perkhidmatan Kerajaan British di India tiba kemudiannya.⁷³ Dengan ini British telah dapat masuk ke Kelantan dan Kedah secara tidak langsung. British terus berusaha untuk mendapatkan kuasa langsung,⁷⁴ dalam menguasai kawasan baru untuk perdagangan dan pengembangan kawasannya.

Pulau Pinang dan Singapura amat memerlukan hasil dari kawasan sekeliling bagi keperluan sendiri dan eksportnya. Jiran-jiran di sekeliling adalah dekat dan banyak pula penawarannya. Apa yang menjadi persoalan dan halangan ialah seluruh kepulauan Indonesia sudah berada di bawah Belanda dan banyak kawasan di utara Semenanjung telah jatuh ke tangan Siam. Maka yang tinggal hanya negeri Melayu di selatan Segenting Kra sahaja untuk diterokai. Peluang ini harus diambil segera. Selain kerana hasil mahsulnya, ia juga boleh menjadi tempat pemasaran barang dari Pulau Pinang dan Singapura. Jadi kawasan ini menjadi tempat yang paling mudah untuk mendapatkan bekalan dan melambakkan barang tanpa sekatan atau saingan.

British di Singapura terus menanti peluang untuk berkembang

ke utara lagi. Mereka sentiasa memerhatikan setiap peristiwa yang berlaku untuk membolehkan mereka campur-tangan. Peluang mereka terlepas semasa peristiwa penurunan Raja Patani dari takhta pada tahun 1902.⁷⁵ Peristiwa pemberontakan di Setol pula tidak mendapat ruang.⁷⁶ Namun segala permasalahan ini menjadi modal untuk mereka menuntut semasa perundingan nanti.

5.6 PERUNDINGAN

E.H. Strobel⁷⁷ telah membuka ruang kepada Kerajaan British melalui R. Paget, Perwakilannya (Charge de Affairs) di Bangkok untuk merundingi satu perjanjian sempadan baru.⁷⁸ Beliau berkeyakinan British mahu menerima dan Siam sedia melepaskannya.⁷⁹ Keyakinan dan harapan Strobel adalah tepat kerana Paget telah menghubungi Pejabat Luar Negeri dan Gabenor Negeri Selat.⁸⁰ Di London, Pejabat Tanah Jajahan⁸¹ dan Pejabat India⁸² juga dihubungi untuk meminta pandangan.

Pihak di London amat berminat pada kali ini kerana Perjanjian Peranchis-Siam ke atas daerah Phailin di timur Siam telah merugikan konsesi mereka. Meski pun dibayar ganti rugi mereka tidak berpeluang untuk menyambung konsesi tersebut. Jadi peluang sebegini harus direbut di kawasan selatan sebelum jatuh ke pihak lain. Dengan itu pada 21 Jun 1907, Pejabat Tanah Jajahan memaklumkan kepada Pejabat Luar Negeri supaya mengarahkan Paget meneruskan perundingan dengan syarat Siam tidak membenarkan kuasa ketiga menjakkan kaki di kawasan milik British

Burma dengan British Malaya semasa rundingan sedang berjalan. Pejabat Kerajaan India pula membantah jika cadangan penyerahan jurisdiksi rakyat British keturunan Asia di Siam dilaksanakan. Pihak di Singapura amat gembira sekali. Gabenor John Anderson telah mencadangkan supaya seluruh Semenanjung Melayu dimasukkan ke dalam kawasan pengaruh British. Beliau mendesak agar sekurang-kurangnya dapat membawa masuk Patani atau Legeh ke dalam kawasan British. Baginya penyerahan ini akan menyelesaikan banyak masalah Siam dalam mentadbir wilayah tersebut.⁸³

Setelah jelas dengan pandangan dari Singapura dan India, Paget diarahkan memberitahu Strobel bahawa Kerajaan British bersedia untuk berunding. Sebagai susulan, Paget mengadakan perundingan dengan Strobel. Beliau mengusulkan supaya Siam menyerahkan sama negeri Setol, Perlis dan Hulu Perak yang masih berada dalam pegangan Reman. Ini adalah sebagai pertukaran kepada pemansuhan Konvensyen 1897. Perkara ini menarik perhatian Strobel. Tetapi beliau telah membuat ketetapan bahawa perkara Setol tidak perlu disentoh kerana ia telah terkeluar dari kawasan Kedah. Manakala bagi kawasan Hulu Perak ditangguhkan dahulu perbincangannya, sementara Perlis boleh diambil kira.

Strobel menemui Putera Damrong pada 13 September bagi membawa hasrat Kerajaan British dan cadangan perolehan pinjaman dari Negeri Melayu Bersekutu untuk pembinaan landasan keretapi di Selatan Siam.⁸⁴ Usaha ini dipandang sepi oleh Damrong dan Naib Menterinya Phya

Sri kerana tidak mahu bertanggungjawab kepada Raja yang akan kembali dari lawatan ke Eropah pada 17 November. Keadaan ini tidak mengecewakan Strobel, malah memberinya banyak masa untuk mendapatkan kepastian dari Kerajaan British.⁸⁵

Usaha Strobel menampakan tanda positif. Setelah bertemu dengan Raja Siam pada 23 November, Raja tidak marah dan tidak juga menunjukkan reaksi yang negatif. Secara keseluruhannya Strobel telah berjaya mengemukakan kes ini untuk pertama kali walaupun tidak mendalam. Beliau terus mengharapkan Damrong akan membantu dan menyokongnya kerana ia melibatkan sama pinjaman wang bagi membina landasan keretapi.


Perbincangan dan reaksinya pelbagai.⁸⁶ Strobel dengan persoalan pinjamannya untuk membina landasan keretapi di selatan Siam sementara Paget pula mahukan jurisdiksi, tuntutan wilayah, hakim dalam perbicaraan, pemansuhan Konvensyen 1897 dan kepastian tiada kuasa ketiga. Sebagai jaminan, Strobel yakin Siam tidak akan memberi ruang pada kuasa ketiga. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, wilayah Setol mesti dikeluarkan dari Kedah. Sementara itu terdapat reaksi positif untuk memasukkan kawasan Hulu Perak dan juga Pulau Langkawi. Akhirnya Paget meminta kebenaran untuk merundingkan Deraf Perjanjian dengan Strobel. Setelah menghubungi Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat India untuk pandangan, Pejabat Luar membenarkan Paget meneruskan rundingan⁸⁷. Paget dan Westengard⁸⁸ akhirnya mendapat kata sepakat pada 25 Februari 1908

untuk menyediakan Deraf Perjanjian seperti berikut:

- a. Siam menyerah kepada Great Britain negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Langkawi dan sebahagian Hulu Reman.
- b. Konvensyen 1897 dimansuhkan.
- c. Siam akan membuat pengumuman rasmi tidak akan memajak atau menyerahkan wilayah, dermaga atau stesen arang batu di selatan kawasan yang termaktub di dalam Konvensyen 1897 kepada kompeni atau kuasa asing.
- d. Rakyat British diletakkan di bawah jurisdiksi Siam dengan hakim-hakim British dan penasihatnya, tiada perubahan tanpa perundingan. Rakyat British boleh memiliki tanah dan menerima kemudahan seperti rakyat Siam.
- e. Negeri Melayu Bersekutu akan membiayai pembinaan landasan keretapi dengan kadar faedah 4% yang akan dibina oleh jurutera British. Negeri Melayu Bersekutu ada hak untuk memeriksa pelan yang berkaitan. Satu jabatan keretapi baru, ditubuhkan untuk pengawalan dan pentadbiran.

Draf ini bukanlah muktamad, hanya untuk dijadikan asas perundingan kedua belah pihak. Rangka Draf di atas juga dibincangkan dengan Strobel pada 13 Januari 1908⁸⁹ dan juga dengan John Anderson. Dalam menyediakan Draf ini, Paget terpaksa berhadapan dengan kerentan Gabenor

Peta 5.1. Sempadan Bri-Malaya Dengan Siam



Sumber: Ukor

John Anderson yang mendesak dan menuntut syarat yang ketat ke atas pinjaman dan tuntutan wilayah yang lebih luas.⁹⁰ Melihat kepada masalah yang tidak berkesudahan, Paget dipanggil balik ke London dan belayar pada 2 Julai 1908. Westengard pula terpaksa berhadapan dengan Raja Siam yang semakin dingin setelah kematian Strobel dan salah laporan oleh Phya Sri Sahadheb, Naib Menteri Dalam Negeri.⁹¹

Perundingan bersambung setelah Paget kembali pada akhir bulan Disember 1908. Beliau menemui Damrong pada 1 Januari 1909 untuk menjelaskan kenapa beliau balik ke London, ketika perundingan sedang rancak. Pertemuan ini penting kerana Damrong penyokong kepada perundingan, menteri terkanan dan kerabat yang paling berpengaruh setelah Devawongse berkrisis dengan permaisuri yang juga kakaknya. Hasil pertemuan amat memberangsangkan. Mereka bersetuju supaya perjanjian pembinaan landasan keretapi dengan perjanjian penyerahan wilayah dibuat berasingan tetapi ditandatangani pada hari yang sama.⁹²

Secara keseluruhannya Draf kedua untuk kedua-dua perjanjian telah siap dibuat oleh Paget dan Westengard bagi semakan, pembetulan dan perubahan oleh kedua-dua kerajaan pada 27 Januari 1909. Kedua-dua kerajaan membuat semakan dan perubahan dengan teliti bagi mempastikan ketepatan maksudnya.⁹³ Sedtelah semua selesai pada 27 Februari, Pejabat Luar Negeri memberi mandat kepada Paget untuk menandatangani perjanjian dengan syarat tidak ada sebarang perubahan.⁹⁴

Sehingga 5 Mac Paget belum dihubungi untuk menandatangani perjanjian⁹⁵ meski pun beliau telah memberitahu akan balik ke London pada 10 Mac. Pihak London telah membenarkan kepulangannya walaupun tanpa menandatangani perjanjian.⁹⁶ Akhirnya pada 8 Mac, Paget menghubungi London bahawa hari bersejarah akan berlangsung pada 9 atau 10 Mac.⁹⁷ Kesudahannya, satu penantian berakhir apabila Ralph Paget bersama-sama Devawongse Varaprokar menandatangani perjanjian ini pada 10 Mac 1909.⁹⁸

5.7 KESIMPULAN

Perjanjian ini adalah kemuncak kejayaan usaha pengembangan wilayah British di negeri Melayu sejak tahun 1786. Hasilnya telah menjadikan negeri-negeri Semenanjung Melayu mempunyai sempadan antarabangsa yang kekal untuk selama-lamanya. Ia telah menjadi pemisah antara wilayah British di Semenanjung dengan negeri Siam di Segenting Kra. Maka terpisahlah negeri Melayu di bawah pengaruh British dengan saudaranya di bawah kekuasaan Siam. Umpamanya, antara Kedah dan Perlis dengan Setol dan kawasan utaranya lagi sampai ke Trang. Perak dan Kelantan dengan Patani. Dari segi kehilangan wilayah pula, Kedah dan Perlis kehilangan tidak kurang dari 300 batu persegi kawasan di Sadao dan juga Sungai Pujuh. Ini tidak termasuk kehilangan pulau-pulau di utara kepulauan Langkawi. Perak kehilangan kawasan Betong dan Padang Limau Nipis. Manakala Kelantan pula kehilangan kawasan di kanan (arah mudik) Sungai Golok, terutama di kawasan Tabal. (Tak Bai).⁹⁹

Perjanjian ini juga memperlihatkan kesan dari sikap raja-raja Melayu yang suka berbalah sesama sendiri dan juga sikap suka mengharapkan bantuan pihak lain. Akhirnya diri sendiri dan negeri tergadai serta menjadi korban.¹⁰⁰ Kesemua Raja Melayu yang negeri mereka terlibat dengan perjanjian ini tidak pernah dirundingi walaupun mereka telah meminta untuk ditanyai buah fikiran. Bagi pihak Kerajaan Siam pula, sanggup menyerahkan wilayah yang diperolehi secara percuma tetapi tidak kepada pemilik asal dari mana ia diambil dengan darah. Dengan ini penaklukan Siam terhadap Patani telah mendapat pengiktirafan antarabangsa pula. Namun, perjanjian ini juga kemudian membawa negerinya terus berada dalam kancang konflik dalaman yang memanjang akibat dari ketidakterimaan penjajahan mereka ke atas Patani.¹⁰¹

British mencapai matlamatnya di sini dalam jangkamasa kira kira 240 tahun.¹⁰² Ia bermula dengan perancangan awal untuk mengadakan perdagangan dengan China melalui kemudahan di sini. Mereka berhasrat untuk mendapat satu kawasan kecil untuk tapak gudang seperti di Kuala Kedah. Selepas itu berkembang pula dengan beralih kepada pulau-pulau yang dapat mengawal kuala-kuala sungai yang menjadi tempat transit terakhir pengeluaran hasil dari pedalaman. Mereka bertapak di Pulau Pinang. Pengawalan ke atas kuala sungai dikembangkan ke tanah besar dan pedalaman yang menjadi tempat pengeluaran hasil. Setelah mendapat halangan jalan laluan hasil mahsul ke pelabuhan mereka, maka akhirnya mereka bertindak pula untuk menguasai

terus kawasan di sini. Perjanjian-perjanjian pada tahun 1800, 1831, 1867-69, 1874, 1899 dan akhirnya 1909 telah memperlihatkan hal-hal di atas yang **berasaskan** kepada kepentingan ekonomi dan keselamatan di sini.¹⁰³ Kesannya **terpisah-pisahlah** sebahagian dari negeri Melayu secara nyata yang ditetapkan oleh **satu** persempadanan mengikut garis antarabangsa yang pada asasnya **adalah konsep mereka (barat)**.¹⁰⁴

NOTA KAKI

1. Lihat Shaharil Talib, "The Port and Polity of the Terengganu During the Eighteenth and Nineteenth Centuries: Realising Its Potential", dalam **The Southeast Asian Port and Polity, Rise and Demise**, (ed.), J. Khatirithamby Wells and John Villiers, Singapore, Singapore University Press, 1990, hal. 213-230.
2. W.A. Graham, **Kelantan, A State of Malay Peninsular, A Handbook of Information**, Glasgow, James Macleayhouse and Sons, 1908, hal. 39.
3. Hubungan dagang Terengganu, lihat surat Sultan Ahmad kepada Baron van der Cappellen, 19 Mac 1824, dalam **Warisan Warkah Melayu**, oleh Annabel Teh Gallop dan Ulrich Kratz, London, British Library, Untuk Arkib Negara Malaysia, 1994, hal. 225.
4. W.A. Graham, **Op.Cit.**,hal. 39.
5. Lihat surat Saudagar Rasia Raja Kelantan kepada Francis Light, 23 Jamidul Awal 1209, dalam **Warisan Warkah Melayu**, Op. Cit., hal. 203.
6. Lihat kembali surat Sultan Ahmad seperti pada Nota Hujungan No. 3.
7. Lihat surat Baron van der Cappellen, Gabenor General Belanda di Batawi kepada Marquis Hasting di Culcutta pada 25 Februari 1819 dalam Donald and Joanna Moore, **The First 150 Years of Singapore**, Singapore, Donald Moore Press Ltd., 1989, hal. 31.
8. Lihat Sivachandralingam Sundara Raja, "Ide Perdagangan Bebas di England dan Pengaruhnya ke Atas Perdagangan Bebas dan Pelabuhan Bebas di Negeri Negeri Selat 1786-1826", Tesis MA, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1992, hal. 182.
9. Kenyataannya begini kerana Kerajaan British sememangnya mahu berbaik baik dengan Belanda kerana faktor Peranchis. Belanda mahu dijadikan penampang pengembangan Peranchis. Sedangkan pada hakikatnya pedagang dan pentadbir mereka di sini sentiasa bersaing dalam perdagangan dan juga mencari persahabatan dengan penduduk tempatan. Dari sini bermulanya ketidakfahaman pihak di London dengan perihal tempatan. Tambahan lagi adanya orang tengah di India sehingga tahun 1867 dan kemudiannya di Bangkok pula.

10. Keterangan penuh perjanjian ini lihat: **A Collectin of Treaties, Engagements and Sunnuds, The Treaties, & c, Relating to Bengal, Burmah and the Eastern Archipelago**, Culcutta, Savielle and Granenburgh, 1862, hal. 231-244., **Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo**, (ed.), W.G. Maxwell and W.S. Gibson, Sulfolk Lane, Jas. Truscott, & Sons, Ltd., 1924, hal. 8-12., **A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963**, Vol. II, (ed.), J. de. V. Allen et. el., London, Oceana Publications, Inc., hal. 288-293.
11. Kisah perjanjian Burney mengenai Pengiktafan Siam terhadap pendudukan ke atas Pulau Pinang, lihat bab 3. Persoalan status negeri Perak dan Selangor, rujuk bab 4. Manakala perakuan Kelantan dan Terengganu sebuah negeri yang bebas telah diperakui sendiri oleh Henry Burney, yang sama-sama merangka perjanjian tersebut. Penjelasan lanjut, lihat E. Thio, "A Turning Point in Britain's Malayan Policy", dalam **Historical Journal**, Kuala Lumpur, University of Malaya, Historical Society, No. 3., 1957, hal. 7.
12. Inilah yang menjadi harapan Stamford Raffles semasa pendudukan ke atas Singapura. Lihat Wong Lin Kien "Trade of Singapore 1819-1869", **JMBRAS**, Vol. 33, Pt. 4, Dec. 1960, hal. 26.
13. Lihat Hugh Clifford, **An Expedition to Trengganu & Kelantan 1895, MBRAS Reprint**, NO. 13, 1992, hal. 79.
14. Lihat W.A. Graham, **Op. Cit.**, hal. 106.
15. Pengembaraan Bozollo, lihat CO 273/158: Gabenor C. Smith kepada CO, 31 Jan. 1889, Rekod Lawatan, ff. 106-130.
16. Henry Norman, **The People and Politics of Far East**, London, T. Fisher Unwin, 1894, hal. 534-586.
17. Lihat pengembaraan mereka seperti Nota Hujungan 13.
18. Lihat "The Cambridge University Expedition to Parts of the Malay Peninsula, 1899-1900", Personal Account by W.W. Skeat and Dr. F.F. Laidlaw, **JMBRAS**, Vol. 26, Pt. 4, (No. 164), Dec. 1953, hal. 1-173.
19. Pengembaraan J. Waterstradt, "Kelantan and My Trip to Gunung Tahan", **JSBRAS**, No. 37, 1902, hal. 1-27.
20. Penglibatan Duff dalam konsesi awal di Kelantan dari tahun 1900-1902, lihat L.R. Robert, "The Duff Syndicate in Kelantan 1900-1902" **JMBRAS**,

VOL. 45, Pt. 1, 1972, hal. 81-110. Lihat sama, H.A. Crawford, "The Birth of Duff Development Company in Kelantan 1900-1902", MIH, Vol. 13, Pt. 2, 1970, hal. 2-9.

21. Bagi memastikan konsesi yang diperolehinya dengan Raja-raja tersebut berhasil, Duff telah meminta bantuan Kerajaan British membantu dan menyokong permohonannya untuk mendapat kelulusan dan pengiktirafan Raja Siam. Lihat surat FO kepada CO, 13 Jan. 1902, dalam **Further Correspondence Respecting the Affairs of Siam**, Surat No. 7, Pt. XIV, 1902, hal. 11. (Selepas ini digunakan FCRAS sahaja).
22. Lihat CO 273/314: FO kepada CO, 3 Mac 1905, ff. 122-183.
23. Sungai-sungai tersebut dari Sungai Kemaman ke utara ialah Sungai Chukai, Keemasik, Kerteh, Paka, Dungun, Marang, Terengganu, Setiu, Keluang dan Besut di Terengganu. Di Kelantan pula, Sungai Semarak, Sungai Kandis, Selinsing, Kemasin, Pengkalan Datu, Semut Api, Kelantan dan Golok. Manakala di Patani ialah Sungai Benara, Tanjung Emas, Saiburi, Penarik, Patani, Tiba dan Chenak. Bagi pemahaman akan kedudukannya di muka bumi, lihat peta **Malay Peninsular, Specially Prepared for JSBRAS, Singapore, 1911**. (Terdapat satu salinan tersimpan di Perpustakaan Jabatan Geografi, Universiti Malaya).
24. Kelantan menghasilkan padi kira-kira 70,000 tan. dari jumlah ini kira-kira 4-5,000 tan darinya untuk eksport. Lihat W.A. Graham, **Op. Cit.**, hal. 71. Adapun penduduk Hulu Pahang yang bersempadan dengan Kelantan mendapat bekalan beras secara terus dari Hulu Kelantan. Lihat R.G. Cant, **An Historical Geography of Pahang, JMBRAS**, Monograf No. 4, 1973, hal. 34-35. Bagi kawasan tanaman padi di seluruh Patani, lihat laporan lawatan H.C. Robinson, Pemangku Kurator Muzium Selangor, yang melawat ke sini pada April hingga Disember 1901, dalam CO 273/283: Gabenor kepada CO, 7 May 1902, Desp., ff. 61-80.
25. W.A. Graham, **Op. Cit.**, hal. 84-88.
26. Pernyataan ini dengan mengambil kira terhadap perbincangan A. Azmi Khalid, "The Federated Malay States: Growth and Development of Trade 1900-1940", dalam **HISTORIA**, Kuala Lumpur, Published by The Malayan Historical Society, 1984, hal. 325-356.
27. W.A. Graham, **Op. Cit.**, hal. 137-138.
28. Lihat Hugh Clifford, **Op. Cit.**, hal. 74.

29. Lihat W.A. Graham, Op. Cit., hal.97-99.
30. **Ibid**, hal. 96.
31. Lihat Shaharil Talb, Op. Cit., 217. Lihat sama laporan H.C. Robinson seperti Nota Hujungan 24.
32. Lihat memorandum A. Stuart, Pendaftar Pejabat Import & Eksport, **Singapura**, dalam CO 273/283: Gabenor ke CO, 22 Okt. 1902, f. 661.
33. Berkewaan dengan rusuhan ini lihat akhbar **Penang Gazette**, 8, 15 dan 19 Jun 1888.
34. Catatan ini terdapat dalam surat Gabenor Siam di Saiburi kepada Raja **Singgora** pada tahun 1888, terdapat dalam "Malay Document Book 2", dipetik dari Zaharah Mahmud, "Change in a Malay Sultanate: A Historical Geography of Kedah Before 1939", Tesis MA, Kuala Lumpur, Jabatan Geografi, Universiti Malaya, 1966, hal. 123 dan 202.
35. **Ibid**, hal. 201.
36. **Ibid**, hal. 204-205.
37. Lihat Sharom Ahmat, **Kedah Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development 1878-1923**, MBRAS, Monograf No. 12, 1988, hal. 24.
38. E.S. Willbourn, "The Geology and Mining Industries of Kedah and Perlis", **JMBRAS**, Vol. 4, 1926, hal. 317-319.
39. Sharom Ahmat, Op. Cit., hal. 182.
40. Lihat Lawatan F.A. Swettenham ke Kedah pada tahun 1889 dalam CO 273/162: Gabenor kepada CO, 23 Nov. 1889, ff. 266-289.
41. Masalah persempadanan Perlis/Setol dapat dilihat dalam HCO 347/1910: **Adviser to Perlis Government** kepada HCO, 1 Mac 1910, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia. (ANM)
42. Lihat CO 273/312: Gabenor kepada CO, 7 Jun 1905, ff. 3-10. Duff juga menghadapi masalah yang sama apabila kawasan yang diberikan kepadanya disokong oleh pihak Siam untuk diberi kepada pelombong China. Lihat juga telegram Landsdowne kepada Archer, 15 Jun 1901, No. 51, **FCRAS**, Pt. XIII, 1900, hal. 151.

43. Di Hulu Perak/Reman, Syarikat Rahman Tin Company tahun 1905 dan Rahman Hydraulic Tin pada tahun 1907 telah mendapat pajakan dari Siam bagi mengusahakan bijih di Gunung Paku, Klian Intan. Permasalahan yang timbul ialah terpaksa melalui Sungai Muda untuk membawa hasil dari sini keluar dan sebaliknya. Lihat W.E. Everit, "The Rahman Tin Mines at Intan", dalam **The Malayan Historical Journal**, Vol. 2, No. 2, Dec. 1955, hal. 104-107.
44. Maklumat penuh lihat Sharom Ahmat, **Op. Cit.**, hal. 30.
45. **Ibid.**, hal. 30 dan 68.
46. Perbincangan ini terdapat pada kertas kerja Ms. Nishi Ryoko, "Local Power on the Peripheries Historical Memoirs of Sam Sam on the Thai-Malaysian Border", dalam **An International Seminar on Thailand and Her Neighbour (1) Malaysia**, Siran Kaikan, Sakyo, Kyoto, 19-20 Nov. 1993, hal. 12.
47. J.M. Gullick, **Malay Society in the Late 19th Century, The Beginning of Change**, Singapore, Oxford University Press, 1987, hal. 199.
48. Senarai pengusaha perladangan ini pada tahun 1905, lihat Sharom Ahmat, **Op. Cit.**, hal. 127.
49. Lihat **Hand Book of the Federated Malay States**, compiled by H. Conway Belfield, London, Edward Stanford, 1906 hal. 21.
50. Shaharil Talib, **History of Kelantan 1890-1940**, MBRAS, Monograph, No. 21, 1995, hal. 93-94.
51. Rasa optimis ini kerana perjalanan dengan kapal ke Singapura memakan masa dua hari dari Kelantan. Perjalanan hanya ada sekali seminggu iaitu bertolak dari Kelantan pada malam Ahad (hari Sabtu malam) dan dari Singapura pula pada hari Isnin. Kapal-kapal ini dalam perjalanan Singapura-Bangkok. Apabila musim tengkujuh melanda perjalanan menjadi sukar. Bagi perjalanan ke Kelantan, lihat W.A. Graham, **Op. Cit.**, hal. 129, perjalanan ke Pahang, lihat H. Conway Belfield, **Op. Cit.**, hal. 129 dan perjalanan ke Patani, lihat laporan, H.C. Robinson, seperti Nota Hujungan 24.
52. Perbincangan lanjut mengenai pembinaan landasan keretapi di Kedah, lihat J. Chandran, "An Early Railway Project in Kedah", dalam **MIH**, Vol. 9, No. 1 & 2, 1965, hal. 22-28.
53. **Ibid.**, hal. 27.

54. Keterangan penuh perjanjian ini lihat W.G. Maxwell and W.S. Gibson, (ed.), **Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo**, Suffolk Lane, Jus Truscott & Son Ltd., 1924, hal. 77-82.

55. Bagi Siam, Kelantan telah meminta perlindungannya sejak tahun 1801 semasa pemerintahan Sultan Long Mohamad lagi. Begitu juga dengan Terengganu telah diberi perlindungan lebih awal lagi, hanya Kelantan diletakkan di bawah pengawasan Ligor dan Terengganu di bawah Singgora. Penjelasan lanjut perhubungan ini lihat, Nik Mahmud Ismail, (Penyusun), **Ringkasan Cetera Kelantan, Salasilah Raja-Raja dan Tarikhnya**, Kelantan, The Asasiah Press, 1934, hal. 35, Mohd Taib bin Osman, (Penyelenggara) "Hikayat Seri Kelantan" Tesis MA., Kuala Lumpur, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1961, hal. 59, dan W.F. Vella, **Siam Under Rama III**, New York, J.J. Augustin, Incorporated Publisher, 1957, hal. 61-62. Bagi negeri Terengganu, lihat Tamsook Numnonda, "Anglo-Siamese Negotiation 1900-1909", Tesis Ph. D., London, University of London, 1966, hal. 48.

56. Lihat James Low, "An Account of the Origin and Progress of British Colonies in the Straits of Malacca", dalam **JIAEA**, Vol. 4, 1850, hal. 109.

57. Lihat Cyril Skinner, **The Civil War in Kelantan in 1839**, Singapore, MBRAS, 1966, hal. 14. Lihat sama **Kesah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan Juddah**, diberi pengenalan dan anotasi oleh Kassim Ahmad, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti, 1981, hal. 31-77.

58. Siam mula menunjukkan taringnya ke atas Kelantan pada akhir tahun 1831 setelah Kelantan gagal dalam membantu pemberontakan Patani. Sebagai akibatnya Kelantan perlu menyerahkan Raja dan Kerabat dari Patani yang berlindung dan juga perlu membayar ganti rugi sebanyak \$ 50,000.00 (atau 30,000 rial Sepanyol untuk Kerajaan Siam dan 20,000 lagi untuk askar, tidak termasuk hadiah-hadiah kepada Prakhang). Penjelasan lanjut lihat, Mohd Taib bin Osman, Op. Cit., hal. 71 menyatakan Kelantan kena bayar perak tiga puluh ribu. Lihat sama Shaharil Talib, Op. Cit., hal. 13-14.

59. Lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, "British and Siamese Relations With Kelantan 1900-1910", Latihan Ilmiah, Singapura, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1960, hal. tambahan 2 dan 3.

60. Henry Norman melaporkan bahawa Raja Kelantan teramat benci kepada "Orang Putih". Sebelum kemasukannya ke Kelantan seorang pengusaha bijih dan dua orang pengembara telah terkorban di sana, Lihat pengembaraannya, Henry Norman, Op. Cit, hal. 535.

61. Selepas campur tangan pada tahun 1831, Siam terus campur tangan bagi setiap kali ada krisis rebutan takhta di Kelantan. Misalnya pada tahun 1835, 1839, 1842, dan 1845. Perbuatan "lobi melobi" dikalangan calon yang merasakan layak untuk menjadi Raja menyebabkan ada ikatan "budi" setelah berjaya menjadi Raja. Ini menjadikan Siam berada di belakang mereka. Lihat Shaharil Talib, *Op. Cit.*, hal. 37-59 (bab 3). Lihat sama Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, "British and Siamese Relations With Kelantan 1900-1910", Latihan Ilmiah, Singapura, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1960, hal. 1-19.
62. F.A. Swettenham benar-benar mengambil kesempatan dari peristiwa ini. Lihat usaha-usaha beliau seterusnya dalam perbincangan berikutnya.
63. Masa ini Russia sedang berusaha untuk mendapatkan pajakan Pulau Langkawi dari Kedah dan Siam. German sedang mencari pelabuhan di selatan Siam dan China, minat mereka kepada Pulau Ujong Salang. Manakala Amerika sedang berurusan dengan Sultan Terengganu bagi memajak sebuah dari pulaunya.
64. Lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, *Op. Cit.* hal. 40.
65. Swettenham telah menterjemahkan draf ini dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Beliau juga telah menjelaskan setiap perkara yang terkandung dalam perjanjian ini kepada Raja Kelantan, Raja Muda, dan pembesar-pembesar yang hadir di Balai Besar. Draf yang didalam bahasa Inggeris juga ditandatangani oleh Raja Kelantan. Tempat tandatangan bagi wakil Siam ditinggalakan kosong. Keterangan lanjut lihat CO 273/284: Swettenham kepada CO, 20 Okt. 1902, ff. 118-138.
66. Wakil Raja Siam datang membawa terjemahan dalam bahasa Siam untuk ditanda tangani. Lihat Shaharil Talib, *Op. Cit.*, hal. 58-59. Apa yang menarik kemudiannya ialah baru disedari terdapat perbezaan sedikit dari segi makna dan maksud dalam bahasa Siam dengan yang ditanda tangani pada 6 Oktober. Lihat Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, "British and Siamese Relations With Kelantan 1900-1910", *Op. Cit.*, hal. 41.
67. Tanggungjawab penasihat seperti tugas Residen British di pantai barat juga iaitu memberi nasihat dalam urusan pentadbiran kecuali dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu Kelantan sahaja.
68. Sebelum itu W.A. Graham dan H.W. Thompson telah datang ke Kelantan pada 18 Julai untuk membuat tinjauan awal. Semenara itu kegagalan menempatkan penasihat di Terengganu ini berterusan sehinggalah kepada Perjanjian Tahun 1909, setelah British mahupun Siam gagal memujuk atau pun

memaksa Sultan menerima kehadiran penasihat.

69. Sistem pemerintahan baru di Kelantan dibincangkan dengan mendalam oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, "British and Siamese Relation With Kelantan 1900-1910", Op. Cit., hal.20-59. Lihat sama Shahril Talib, Op. Cit., hal. 61-103. (Bab 4)

70. Kedah pada masa ini adalah sebuah negeri yang makmur tetapi bukanlah sebuah negeri yang kaya. Masa ini Sultan baru sahaja pulih dari sakit dan tidak mengambil berat hal-hal pentadbiran. Pentadbiran dijalankan oleh Raja Muda, sedangkan cukai terutamanya cukai cандu dibayar oleh pemajak-pemajak China kepada Sultan. Baginda pula suka bermewah-mewahan dengan perbelanjaan besar di istana dan juga pembelian hadiah. Lihat laporan **The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for Year 1327 A.H. (23rd January 1909-12th January 1919)**, by W.G. Maxwell, Kuala Lumpur, Printed at the FMS Government Printing Office, 1910, hal. 9. Bagi majlis perkahwinan Di Raja pula adalah antara Tunku Ibrahim putera sulong Sultan bersama-sama dengan empat orang lagi puteri baginda yang telah berlangsung selama tiga bulan. Keterangan lanjut, lihat **Pinang Gazette**, 8, 17, 23, Jun dan 13 Jul. 1904.

71. Lawatan dan rayuan Raja Muda bersama-sama surat sokongan untuk memohon hutang beserta syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Siam dapat dilihat dalam surat Paget kepada Lansdowne, 31 Mac 1905, No. 58, **FCRAS**, Pt. XVII, 1905, hal. 67-73.

72. W.J.F. Williamson ialah penasihat kewangan kepada Kerajaan Siam. Beliau turun setelah perjanjian pinjaman ditandatangani di Bangkok pada 16 Jun 1905 untuk menyelesaikan hutang, membuat anggaran perbelanjaan (pendapatan dan keperluan serta menubuahkan pentadbiran kewangan). Lihat W.G. Maxwell, **Op.Cit.**, hal. 9-10.

73. Beliau sampai ke Kedah pada 18 September bagi menjalankan tugasnya. Beliau berjaya membentuk satu pentadbiran baru di Kedah. Dalam masa dua tahun sahaja kesemua jawatan penting dalam pentadbiran dan jabatan-jabatan Kerajaan Kedah telah diisi oleh rakyat British.

74. Diplomasi halus British sukar untuk ditandingi oleh mana-mana bangsa di dunia. Taktik British samalah dengan maksud pepatah di atas. Ini kerana pada awalnya British cukup menentang apabila Siam mahu menghantar penasihatnya ke Kedah sebagaimana Kelantan (tetapi rakyat Siam). Lihat surat CO kepada FO, 2 Jan. 1905, No. 2, **FCRAS**, Pt. XVII, 1905, hal. 1-5.

75. Rujukan untuk peristiwa sejarah di Patani yang terbaru ialah **Umat Islam Patani, Sejarah dan Politik** oleh Mohd Zamperi A. Malik, Shah Alam, Percetakan Hizbi, 1993, dan juga **Patani dalam Tamaddun Melayu**, (pengarang sama), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994. **Pergolakan** Patani semasa peristiwa ini dapat dilihat dalam surat rayuan **Tengku Abdul Kadir** kepada F. Swettenham pada 13 Ogos 1901, dalam surat CO kepada FO, 7 Okt. 1901, No. 71, **FCRAS**, Pt. XIII, 1901, hal. 74-79 dan 90. Penurunan Raja Patani dari takhtanya melibatkan sama Raja Legeh, Sai dan juga Raja Muda Reman. Mereka ditangkap, manakala Raja-raja lain dimansuhkan jawatan dalam pemerintahan Beraja dan digantikan dengan pemerintahan baru dengan melantik semula mereka sebagai Pemangku Gabenor di negeri sendiri. Perkembangan semasa di Negeri 7 semasa peristiwa ini dapat dilihat dalam Kobkua Suwannathat-Pian, **Thai-Malay Relations, Traditional Intra-Regional Relation From 17th to the Early 20th Century, Singapore**, Oxford University Press, 1988, hal. 176-182.
76. Gambaran ringkas peristiwa yang membawa kepada rancangan pemberontakan ini dapat dilihat dalam, Dr. J. Chandran, "Setol Pada 1907: Masalah Negeri Selatan pada Awal Abad Kedua Puluh", **JEBAT**, Bil. 2, 1972/73, hal. 93-98. Bagi mengenali sejarah Setol sebagai sebuah Kerajaan Melayu, lihat Enche' Abdullah Long Puteh, (pada satu masa Menteri Kesihatan Thailand), **Sejarah Negeri Setol, Thailand**, dalam bahasa Thai, diterjemahkan ke bahasa Melayu khas untuk Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah, oleh Wan Adnan bin Wan Long, (Hak Ura), guru bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Thai, Setol, 1971. Sebuah lagi ialah **Sejarah Kerajaan Melayu Setol "Mambang Segara" (1808-1909)** oleh Haji Wan Shamsuddin bin Mohd Yusof, Alor Setar, Penerbit Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah, 1985.
77. Beliau mengambil alih jawatan ini dari M. Rollin Jacquemins pada awal Januari 1904. Berbangsa Amerika dengan jawatan Profesor Undang-undang Antarabangsa di Universiti Harvard. Keterangan lanjut lihat CO 273/296: **Antarabangsa** di Universiti Harvard. Keterangan lanjut lihat CO 273/296: **Edmon Monson** kepada Landsdowne, 26 Jul. 1903, Conf., ff. 644-646. Lihat juga sebelumnya surat Paget kepada Landsdowne, 29 Jan. 1903, ff. 180-182, dalam CO 273/296.
78. Strobel memberi tahu Paget pada 27 April 1907 setelah Peranchis berjaya dalam tuntutannya di timur Siam.
79. Lihat telegram Paget kepada Sir Edward Grey, 27 Apr. 1907, No. 101, **FCRAS**, Pt. XIX, 1907, hal. 125-126. Strobel dan Siam memang mengetahui dan memahami cita cita dan hasrat British untuk memiliki Semenanjung Melayu. Apa yang menjadi penghalang bagi mereka ialah Peranchis yang telah

bertapak di sebelah timur Siam. British tidak mahu bersempadan dengan Peranchis dan mahukan Siam menjadi pendindingnya. Manakala Siam pula sedang berusaha untuk melepaskan diri dari ikatan jurisdiksi terhadap rakyat British di negerinya. Juga mereka telah terikat dengan Perjanjian Rahsia 1897 yang telah memerangkap mereka kepada persefahaman yang merugikan apabila kuasa untuk memberi konsesi tanah terpaksa dirujuk kepada British. Akibatnya Paget berjaya menyekat pemberian konsesi kepada pesaing British di negeri Melayu Siam yang kaya dengan hasil galian. Keterangan lanjut tentang jurisdiksi, lihat Thamsook Numnonda, "Negotiations Regarding the Cessation of Siamese States 1907-1909" **JSS**, Vol. 55, Pt. 2, Jul. 1967, hal. 227-235. Manakala peranan Paget, lihat Surat Paget kepada Sir Edward Grey, 3 Jun 1907, No. 122, **FCRAS**, Pt. XIX, 1907, hal. 153.

80. Lihat telegram Paget kepada Sir Edward Grey, 27 Apr. 1907, No. 101, **FCRAS**, Pt. XIX, 1907, hal. 125-126.

81. Lihat surat CO kepada FO, 21 Jun 1907, No. 117, **FCRAS**, Pt. XIX, 1907, hal. 146.

82. Lihat surat IO kepada FO, 16 Jul. 1907, No. 124, **FCRAS**, Pt. XIX, 1907, hal. 154.

83. Bagi John Anderson, British seharusnya mendapat kawasan yang lebih luas lagi dari apa yang diperolehi oleh Peranchis. Lihat suratnya kepada Earl of Elgin, 27 Mac 1907, No. 68, **FCRAS**, Pt. XIX, 1907, hal. 86. Surat lain beliau kepada Earl of Elgin terdapat dalam surat CO kepada FO, 6 Sep. 1907, No. 136, **FCRAS**, Pt. XIX, 1907, hal. 170. Mengenai permasalahan Patani yang Siam harus pikul hari ini telah dapat dibaca oleh John Anderson lebih awal lagi.

84. Selaku Menteri Dalam Negeri Damrong bertanggungjawab sama terhadap projek pembinaan landasan keretapi termasuk mencari sumber kewangan.

85. Surat Strobell kepada Paget, 14 Sep. 1907, No. 155, **FCRAS**, Pt. XIX, 1907, hal. 199-201.

86. Antara reaksinya ialah dari Raja Siam bilamana ia tidak berapa kesal menyerahkan Kelantan dan Terengganu yang diperolehi secara percuma tetapi khuatirkan pandangan ramai terhadap penyerahan Kedah yang diambil dengan darah. Lihat laporan dalam CO 273/343: Paget kepada FO, 31 Dec. 1907, ff. 5-7.

87. CO 273/343: FO kepada Paget, 23 Jan. 1908, f. 11.

88. Jens I. Westerngard telah menggantikan Strobel dengan memangku jawatan setelah kematianya pada 15 Jan. 1908 kerana sakit lama. Dari segi kebolehan, Westerngard telah sama-sama berkhidmat dengan Strobel dan menjadi pembantu yang dipercayai.
89. Strobel meninggal dunia pada 15 Jan. 1908 dan Westerngard telah menggunakan catatan-catatan beliau sebagai bahan rujukan dan panduannya.
90. Bagi menangani karenah John Anderson, Paget terpaksa mengingatkan bahawa British akan lebih rugi jika perbincangan ini diberhentikan. Lihat CO 273/343: Paget kepada John Anderson, 30 Jan. 1908, dalam FO kepada CO, 29 Feb. 1908, ff. 174-179.
91. Raja Siam membuat kenyataan, "...the whole aspect of the negotiations seemed to have changed since Mr. Strobel death", lihat memorandum Paget, 28 Jan. dalam CO 273/343: f. 177.
92. CO 273/353: Paget kepada Sir E. Grey, 15 Jan. 1909, Conf., ff. 120-123.
93. CO 273/353: Paget kepada FO, 27 Jan. 1909, ff. 132-158.
94. CO 273/353: FO kepada Paget, 27 Feb. 1909, Tel., f. 119.
95. CO 273/353: Paget kepada FO, 5 Mac 1909, Tel., f. 125.
96. CO 273/353: FO kepada CO, 7 Mac 1909, Tel., f. 127.
97. CO 273/353: Paget kepada FO, 8 Mac 1909, Tel., f. 159.
98. CO 273/353: Paget kepada FO, 10 Mac 1909, Tel., f. 162. Butir lanjut lihat kembaran.
99. Gambaran kehilangan daerah yang terlepas/hilang dari negeri-negeri tersebut dapat dilihat dengan membandingkan antara anggaran kasar sempadan tradisional dengan ketetapan Perjanjian 1909. Bab 5 akan memperjelaskan lagi secara terperinci perkara ini.
100. Kesemua negeri yang terlibat dengan perjanjian ini menjadikan Siam tempat rujukan apabila ada krisis ketakhtaan. Ada pihak lain pula merujukannya kepada British untuk sokongan dan pengiktirafan. Akhirnya mereka terperangkap apabila kedua-dua pihak bertindak mewakili mereka tanpa pengetahuan, lebih-lebih lagi restu.

101. Hal ini dapat dilihat sehingga ke hari ini apabila pihak pejuang pembebasan Patani yang dikenali dengan PULO telah berjuang menentang Kerajaan Siam. Perjuangan mereka yang memanjang ini dapat dilihat dalam beberapa artikel seperti, Nantawan Haemindra, "The Problem of the Thai-Muslims in the Four Southern Provinces of Thailand" (Part One and Two), JSEAS, Vol. 7, Pt. 2, 1976, hal. 197-225; dan Vol. 8, Pt. 1, 1977, hal. 85-105. Astri Shurke, "Loyalist and Separatists: The Muslims in Southern Thailand, Asian Survey, Vol. 17, No. 1-6, 1977, hal. 237-250. Penulisan lain pula, seperti Surin Pitsuwan, **Islam and Malay Nationalism: A Case Study of the Malay-Muslims Southern Thailand**, Bangkok, Thammasat University, The Khadi Research Institute, 1985., dan Wan Kadir bin Che Man (Waekarday Jehmae), "Muslims Separatism: The Moros in Southern Philippines and the Malays in Southern Thailand", Tesis Ph.D., Canberra, Australian National University, 1987. Kesan baiknya dari perjuangan ini dalam politik demokrasi Thailand hari ini, untuk menubuhkan sebuah kerajaan, mereka terpaksa berkongsi kerusi dengan wakil wakil Parlimen Islam (Melayu) dari selatan. Dengan erti kata lain Siam terpaksa pula memperakui kembali kekuatan PATANI yang pernah ditakluki dan dinafikan kewujudannya sebelum ini.

102. Jangkamasa selama ini adalah mengambil kira dari kedatangan Kapten Francis Light ke Kedah dan membuat perjanjian perdagangan dengan Sultan Mohammad Jiwa pada tahun 1771.

103. Perjanjian di atas hanya melibatkan dengan persempadanan Kedah dan kemudiannya dengan Semenanjung. Ini tidak mengambil kira perjanjian 17 Mac 1824 dan perjanjian membetulkan sempadan Melaka dengan jiran sekelilingnya seperti Muar, Johol, Jempol dan Tampin serta Linggi. Mereka berbuat demikian sejak pendudukan mereka di Melaka selepas perjanjian di atas.

104. Untuk tujuan perbincangan, adalah sukar untuk menerima kenyataan sempadan ini sebagai sempadan antarabangsa kerana tidak pernah diputuskan secara rasmi melalui persetujuan bangsa-bangsa yang terlibat. Ia lebih dekat untuk dikenali sebagai sempadan **gaya barat** dalam kontek pada masa itu. Ini kerana ia berlaku tanpa restu dan persetujuan serta lebih berbentuk penaklukan terhormat kerana tanpa sengketa apatah lagi perang.